

10 DEC 1998

ASB/I

ASB BAYAR DIVIDEN DAN BONUS 10.5 PERATUS BAGI 1998

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Permodalan Nasional Bhd (PNB) akan membayar dividen dan bonus sebanyak 10.5 peratus kepada pemegang saham skim unit amanah Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi 1998 berbanding dengan 11.50 peratus pada 1997.

Pengumuman itu dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra, yang mengendalikan PNB.

Ucapan Dr Mahathir dibacakan oleh pengerusi PNB Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid di sini.

Dengan pengumuman itu, ASB akan membayar RM2.7 bilion kepada pemegang unit dan ia juga bermakna 16.36 peratus lebih rendah daripada yang dibayar pada tahun lalu iaitu sebanyak RM3.3 bilion.

-- BERNAMA

AA ZK